

28 APR 1999

Setiausaha

ENAM SETIAUSAHA POLITIK ANGKAT SUMPAH

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Enam setiausaha politik baru mengangkat sumpah menyimpan rahsia di hadapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Mereka termasuk Mohd Johari Baharum, Setiausaha Politik kepada Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mohd Johari ialah Bendahari Umno Bahagian Kubang Pasu.

Yang lain ialah:

* Sothinathan a/l Sinna Goundar (Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu)

* Gooi Hoe Hin (Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik).

* Abang Ahmad Arabi Abang Bolhassan (Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha)

* Dr Shahrudin Md Salleh (Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin)

* Hasbullah Osman (Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tajol Rosli Ghazali)

Abang Ahmad Arabi, 43, sebelum ini berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri Sarawak selama enam tahun.

Beliau berasal dari Sibul dan pernah menyandang jawatan Kadi Mahkamah Syariah negeri Sarawak.

Shahrudin, 43, merupakan bekas Pengetua Institut Teknologi Mara (ITM) Segamat dan pernah bertugas sebagai pensyarah Kajian Kejuruteraan. Beliau berasal dari Muar manakala Hasbullah, 43, menjadi Setiausaha Sulit kepada Tajol Rosli.

Hasbullah ialah Setiausaha Umno Bahagian Gerik.

Yang turut hadir pada majlis angkat sumpah itu ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

-- BERNAMA

MAM MAI